



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SABTU, 27 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKATLAPORAN  
PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

27/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>KPWKM, KPT, KPM SEDIAKAN KAUNSELOR BANTU WARIS NAHAS HELIKOPTER TLDM</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-kpt-kpm-sediakan-kaunselor-bantu-waris-nahas-helikopter-tldm/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-kpt-kpm-sediakan-kaunselor-bantu-waris-nahas-helikopter-tldm/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084024/tiga-kementerian-sediakan-kaunselor-bantu-waris-tragedi-helikopter-tldm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084024/tiga-kementerian-sediakan-kaunselor-bantu-waris-tragedi-helikopter-tldm</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/26/kerajaan-bantu-waris-mangsa-tragedi-helikopter-kata-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/26/kerajaan-bantu-waris-mangsa-tragedi-helikopter-kata-nancy</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/kementerian-sedia-khidmat-kaunseling-untuk-ahli-keluarga-tragedi-helikopter/">https://suarasarawak.my/kementerian-sedia-khidmat-kaunseling-untuk-ahli-keluarga-tragedi-helikopter/</a>	SUARASARAWAK.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/04/26/kpwkm-sedia-khidmat-kaunseling-bantu-waris-nahas-helikopter-tldm-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/04/26/kpwkm-sedia-khidmat-kaunseling-bantu-waris-nahas-helikopter-tldm-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239639/tragedi-nahas-2-helikopter-kementerian-diagih-tanggungiawab-bantu">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239639/tragedi-nahas-2-helikopter-kementerian-diagih-tanggungiawab-bantu</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/04/26/nancy-relevant-ministries-to-provide-necessary-aid-to-families-of-tldm-helicopter-tragedy-victims/">https://www.theborneopost.com/2024/04/26/nancy-relevant-ministries-to-provide-necessary-aid-to-families-of-tldm-helicopter-tragedy-victims/</a>	THEBORNEOPOST.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>CHEERFUL, FRIENDLY ELDEST DAUGHTER IS JUST LIKE JOANNA: HUSBAND</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1043136/cheerful-friendly-eldest-daughter-just-joanna-husband">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1043136/cheerful-friendly-eldest-daughter-just-joanna-husband</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://thesun.my/cerita/suami-personaliti-puteri-sulung-yang-ceria-dan-mesra-mirip-joanna-NI12388252">https://thesun.my/cerita/suami-personaliti-puteri-sulung-yang-ceria-dan-mesra-mirip-joanna-NI12388252</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239637/personaliti-icha-ceria-mesra-mirip-joanna-suami">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239637/personaliti-icha-ceria-mesra-mirip-joanna-suami</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084053/suami-pegang-teguh-pesanan-joanna">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084053/suami-pegang-teguh-pesanan-joanna</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/661552/berita/semasa/personaliti-anak-sulung-yang-ceria-mesra-mirip-joanna---suami">https://www.sinarharian.com.my/article/661552/berita/semasa/personaliti-anak-sulung-yang-ceria-mesra-mirip-joanna---suami</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239559/akhirnya-pesanan-joanna-felicia-jadi-kenyataan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239559/akhirnya-pesanan-joanna-felicia-jadi-kenyataan</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2291843">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2291843</a>	BERNAMA.COM	



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

27/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LINDUNGILAH KANAK-KANAK SEBAIKNYA		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/lindungilah-kanak-kanak-sebaiknya/">https://www.wilayahku.com.my/lindungilah-kanak-kanak-sebaiknya/</a>	WILAYAHKU.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	178 AHLI PAWE DIRAI DALAM MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/26/178-ahli-pawe-dirai-dalam-majlis-rumah-terbuka-aidilfitri">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/26/178-ahli-pawe-dirai-dalam-majlis-rumah-terbuka-aidilfitri</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PUKUL WARGA EMAS, POLIS TAHAN PEMILIK, PEMBANTU RUMAH KEBAJIKAN		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pukul-warga-emas-polis-tahan-pemilik-pembantu-rumah-kebajikan-467919">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pukul-warga-emas-polis-tahan-pemilik-pembantu-rumah-kebajikan-467919</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1042441/video-surfaces-elderly-man-being-abused-padang-serai-care-centre-staff">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1042441/video-surfaces-elderly-man-being-abused-padang-serai-care-centre-staff</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/661323/berita/semasa/warga-emas-dibaling-sambal-tumis-sebelum-disamun">https://www.sinarharian.com.my/article/661323/berita/semasa/warga-emas-dibaling-sambal-tumis-sebelum-disamun</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=7SeKUSfsK2Y">https://www.youtube.com/watch?v=7SeKUSfsK2Y</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	USTAZ DITAHAN KERANA DISYAKI LIWAT 3 PELAJAR		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083914/ustaz-ditahan-kerana-disyaki-liwat-3-pelajar">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083914/ustaz-ditahan-kerana-disyaki-liwat-3-pelajar</a>	HMETRO.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>DATUK TIDAK MENGAKU SALAH NODA CUCU TIRI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/26/datuk-tidak-mengaku-salah-noda-cucu-tiri/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/26/datuk-tidak-mengaku-salah-noda-cucu-tiri/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/lelaki-warga-emas-tidak-mengaku-salah-amang-seksual-cucu-tiri/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/lelaki-warga-emas-tidak-mengaku-salah-amang-seksual-cucu-tiri/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083956/warga-emas-didakwa-laku-amang-seksual-terhadap-cucu-tiri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083956/warga-emas-didakwa-laku-amang-seksual-terhadap-cucu-tiri</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/04/26/amang-seksual-cucu-warga-emas-63-tahun-mengaku-tidak-bersalah/">https://malaysiagazette.com/2024/04/26/amang-seksual-cucu-warga-emas-63-tahun-mengaku-tidak-bersalah/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=pgJvsAPTi3E">https://www.youtube.com/watch?v=pgJvsAPTi3E</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>UNDANG-UNDANG SAHAJA GAGAL KAWAL KEGANASAN RUMAH TANGGA</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/premium/2024/04/undang-undang-sahaja-gagal-kawal-keganasan-rumah-tangga/">https://www.utusan.com.my/premium/2024/04/undang-undang-sahaja-gagal-kawal-keganasan-rumah-tangga/</a>	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>NODA ANAK SAUDARA, 'PESAKIT PSIKIATRI' KEKAL DIJEL 9 TAHUN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/26/noda-anak-saudara-pesakit-psikiatri-dipenjara-9-tahun/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/26/noda-anak-saudara-pesakit-psikiatri-dipenjara-9-tahun/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/rogol-amang-seksual-anak-saudara-pesakit-psikiatri-dipenjara-9-tahun/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/rogol-amang-seksual-anak-saudara-pesakit-psikiatri-dipenjara-9-tahun/</a>	UTUSAN.COM.MY	

#### PECAHAN KATEGORI PERANTARAAN MEDIA

<b>KPWKM</b>	<b>18</b>
Negative	16
Neutral	1
Positive	1
<b>JKM</b>	<b>12</b>
Positive	12
<b>YKN</b>	<b>6</b>
Positive	6
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>



TAJUK :	KERAJAAN BANTU WARIS MANGSA TRAGEDI HELIKOPTER, KATA NANCY		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	27 APR 2024	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Kerajaan bantu waris mangsa tragedi helikopter, kata Nancy

**KUCHING:** Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) membantu waris mangsa tragedi helikopter terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak pada Selasa lepas, termasuk keluarga mendiang Laskar Kanan (LK) JJM Joanna Felicia Rohna.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, ia sebagai usaha meringankan beban waris keluarga mangsa yang terlibat dalam nahas berkenaan.

"Kerajaan telah mengemukakan untuk memberi bantuan awal sebanyak RM10,000 di mana setiap keluarga waris akan menerima bantuan berkenaan.

"Bagi kita di KPWKM pula, bantuan disalurkan menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sejumlah RM3,000 bagi setiap keluarga yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui media selepas menziarahi keluarga mendiang Joanna di Kampung Engkeroh, Tebakang, Serian semalam.

Jelas Nancy, program ziarah daripada pihak kementerianya itu bertujuan memberi bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung keluarga mangsa.

Selain bantuan kewangan katanya, bantuan lain yang diberikan ialah bantuan makanan dan khidmat kaunseling kepada ahli keluarga mendiang sekiranya diperlukan.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Santubong itu memberitahu, beberapa kementerian yang berkaitan

juga diberi tanggungjawab bagi membantu waris mangsa tragedi tersebut.

"Pengagihan tugas mendapat persetujuan oleh kementerian berkaitan bagi memastikan keluarga mangsa mendapat bantuan yang sewajarnya," tambah beliau.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ujarinya, akan membantu dari segi menanggung kos pengajian mereka dan memberi khidmat kaunseling untuk anak mangsa yang berada di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Begitu juga bagi anak-anak mangsa yang masih



**PRIHATIN:** Nancy menyantuni ahli keluarga waris mendiang Joanna ketika menziarahi mereka di Kampung Engkeroh, Tebakang, Serian semalam.



**SANTUNI:** Nancy dan rombongan kementerian merakamkan kenangan bersama waris keluarga mendiang Joanna di Kampung Engkeroh, Tebakang, Serian semalam.

bersekolah di mana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan kaunselor bagi membantu memulihkan semangat mereka," katanya.

Dalam pada itu, Nancy menambah pihaknya dari KPWKM juga menawarkan


khidmat kaunseling sekiranya diperlukan.

"Dari masa ke masa, kaunselor kita dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berada di Serian ini akan sentiasa menghubungi mereka," jelasnya.

Beliau semasa kunjungan

itu turut mengambil peluang untuk berbual dan menyantuni suami, anak dan ahli keluarga mendiang Joanna yang lain sebelum berangkat pulang.

Hadirsama, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara Nordina Haron.



TAJUK : RELEVANT MINISTRIES TO PROVIDE NECESSARY AID TO FAMILIES OF TLDM COPTER TRAGEDY VICTIMS

HARI : SABTU

TARIKH : 27 APR 2024

AKHBAR : THE BORNEO POST

M/SURAT : 01

SEKTOR : KPWKM

## Relevant ministries to provide necessary aid to families of TLDM copter tragedy victims

**SERIAN:** All ministries concerned have been allocated responsibilities to assist the families and dependants of the victims of the Royal Malaysian Navy (TLD) helicopter tragedy in Lumut last Tuesday, says Datuk Seri Nancy Shukri.


support. She said her ministry would provide counselling for families, especially the widows and young children of the victims. "For the children who are pursuing education at institutions of higher learning (IPT), the Ministry of Higher Education has announced assistance to cover their education expenses in addition to providing counselling services to the students involved. "For the children who are still in school, the Ministry of

Education will provide counsellors to help them deal with the grief," she told reporters when met after visiting the family of the late Joanna Felicia Rohna in Kampung Engkaroh here yesterday. Nancy said the 10 victims of the helicopter tragedy left behind 21 children, some of whom are studying in IPTs. "Counselling assistance is needed. At the moment, the impact may not be evident because many relatives are still with them.

"But we are concerned that after a week or more, they will experience depression and thus, they will require counselling service," she said. Nancy added that financial assistance had also been announced by the government, with each family receiving an initial assistance of RM10,000. "For my ministry, the assistance will be disbursed through the National Welfare Foundation amounting to RM3,000 for each family," said the federal minister.



Nancy hands over RM3,000 cash assistance to Joanna's husband Haslie Ali during her visit to Kampung Engkaroh in Serian.



## KPWKM, KPT, KPM sediakan kaunselor bantu waris nahas helikopter TLDM

🕒 26 April 2024, 4:44pm



Datuk Seri Nancy Shukri (dua dari kiri) mengunjungi keluarga mendiang Laskar Kanan JJM Joanna Felicia Rohna di Kampung Engkaroh, Tebakang, Serian hari ini. - Foto: NSTP

**SERIAN:** Semua kementerian berkaitan sudah diagihkan tanggungjawab masing-masing bagi membantu waris mangsa tragedi dua helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang terhempas di Lumut, Selasa lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, agihan tugas itu sudah dipersetujui kementerian berkaitan bagi memastikan waris mangsa mendapat bantuan dan pembelaan sewajarnya.

Beliau berkata, mengikut agihan tanggungjawab itu, KPWKM akan menyediakan kaunseling untuk keluarga terutama balu serta anak-anak mangsa yang masih kecil.

"Bagi anak mangsa yang sudah melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudah mengumumkan bantuan iaitu menanggung kos pengajian mereka selain memberi khidmat kaunseling kepada pelajar terbabit.

"Bagi anak-anak mangsa yang masih bersekolah pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan kaunselor bagi membantu memulihkan semangat mereka," katanya.

Nancy berkata demikian ketika ditemui selepas beliau mengunjungi keluarga mendiang Laskar Kanan JJM Joanna Felicia Rohna di Kampung Engkaroh, di sini, hari ini.


Menurutnya, secara keseluruhan, 10 mangsa yang terkorban dalam kejadian itu meninggalkan 21 anak dengan ada yang sudah melanjutkan pelajaran di IPT.

"Bantuan kaunseling perlu bagi meredakan kemurungan yang dialami waris. Sekarang mungkin kesannya masih belum ketara, kerana masih ramai saudara mara bersama mereka.

"Tetapi kita bimbang selepas seminggu atau lebih, mereka akan mengalami kemurungan dan ianya memerlukan khidmat kaunseling," katanya.

Menurutnya lagi, bantuan kewangan juga sudah diumumkan kerajaan dengan setiap keluarga diberi sumbangan RM10,000.

"Bagi KPWKM pula, bantuan disalurkan menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) iaitu sebanyak RM3,000 bagi setiap keluarga," katanya.



TAJUK : 'JOANNA ADA PESAN JAGA ANAK SEBELUM TRAGEDI'

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 'Joanna ada pesan jaga anak sebelum tragedi'

**Serian:** Mendiang Laskar Kanan JJM Joanna Felicia Rohna, 26, yang terkorban dalam nahas helikopter di Lumut, Selasa lalu, seolah-olah sudah terbayang hayatnya tidak panjang.

Suaminya, Bintara Muda Haslie Ali, 33, berkata seminggu sebelum tragedi itu berlaku, isterinya berpesan kepadanya supaya menjaga kedua-dua anak mereka yang masih kecil dengan baik, apabila dia sudah tiada nanti.

Katanya, ketika itu beliau menganggap kata-kata isterinya itu sekadar gurauan biasa.

"Apabila tragedi itu berlaku hingga mengorbankan nyawa isteri, saya terus teringat kata-katanya itu dan tidak menyangka pesanan itu akhirnya menjadi kenyataan.

"Saya akan pegang pesannya itu dan memastikan dua anak kecil kami, membesar dengan sempurna" katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri di Kampung Engkaroh,



Nancy mendukung anak Joanna ketika mengadakan kunjungan di Kampung Engkaroh, Tebakang, Serian, semalam.  
(Foto Nadim Bokhari/BH)

Tebakang, di sini, semalam.

Dalam kejadian pada jam 9.32 pagi Selasa lalu, Felicia antara 10 anggota dan pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang maut dalam tragedi dua helikopter terhempas ketika sedang menjalani raptai lintas hor-

mat sempena sambutan Ulang Tahun Hari Terbuka TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut.

Mendiang Joanna Felicia meninggalkan dua anak iaitu seorang perempuan, Allesia Felice Haslie, 4, dan anak lelaki, Ho-

vannes Haslie, 1.

Haslie berkata, ketika ini beliau belum lagi memutuskan sama ada akan membawa dua anaknya itu balik ke tempat beliau bertugas di Pangkalan TLDM di Lumut, Perak atau di jaga keluarganya di kampung.



## Cheerful, friendly eldest daughter is just like Joanna: Husband

By Bernama - April 26, 2024 @ 11:48pm



Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri who visited Joanna's family at Kampung Engkaroh Tebakang, near here today. "Icha (Allesia's pet name) is the same as her mummy... (Joanna) was good with her family and helped a lot of her friends with her inspiring words," her husband, Petty Officer Haslie Ali, 33 said. BERNAMA PIC

SERIAN: The friendly and cheerful disposition of Allesia Felicia Haslie, 4, the eldest daughter of Royal Malaysian Navy (TLDM) Leading Seaman Joanna Felicia Rohna, who was killed in the recent helicopter collision, captivated members of a delegation led by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri who visited Joanna's family at Kampung Engkaroh Tebakang, near here today. "Icha (Allesia's pet name) is the same as her mummy... (Joanna) was good with her family and helped a lot of her friends with her inspiring words," her husband, Petty Officer Haslie Ali, 33 said.

The father of two shared that he decided to get to know Joanna, in 2018 as he was smitten by her tough but loving personality. "She was my junior, I enlisted in 2013, she in 2017. We met briefly but chatted a lot on Whatsapp... in 2019 we made the decision to get married, so we were in the category of falling in love after marriage," he said, adding that their second child, Hovannes Haslie, who just turned one, looked most like their mother, and that Joanna had made a peculiar request to him to take care of both of their children should she die just a week before the crash.

"She was watching a Korean drama and there was a death scene and she just said - Mun ku mati tok, jaga anak dua orang ya (if I die, look after both our children) - so I thought she was just kidding," he said, sharing that he planned to fulfil Joanna's wish to celebrate Hari Gawai in her hometown in Kampung Sumpas Tampek, Serian. Haslie said that his children were too young to understand what exactly happened to their mother, and hoped that Joanna's family would be able to love them like their mother did.

Meanwhile, Nancy, who spent around 30 minutes with the family, said that counselling services for the school-going children of all victims of the TLDM helicopter collision in Lumut Perak would be managed by counsellors under the Education Ministry while her ministry under the Social Welfare Department would be responsible for managing counselling services for families that require them. "At this time, they (the families) are surrounded by people so maybe they might feel it less, but after three days they might be more depressed so that's why we need to introduce these services to help them," she said as she presented initial aid of RM10,000 and a special donation of RM3,000 to Joanna's family.

She added that the government would continue to provide assistance to the families of all the victims involved in the crash to ease their burden. The collision involving a Maritime Operations Helicopter and a Fennec M502-6 helicopter at the TLDM base in Lumut, Perak killed 10 navy officers and personnel, including three women. - BERNAMA



## Lindungilah kanak-kanak sebaiknya



MASYARAKAT perlu membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak



**Hazirah Halim**

Dikemaskini 15 jam yang lalu  
- Diterbit 26 April 2024 10:20 AM MYT

**SEJUMLAH** 7,520 orang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada tahun 2023 sekali gus menyaksikan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak semakin meningkat dan mendapat liputan meluas di media massa, elektronik serta media sosial.

Justeru itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Seri Nancy Shukri** berkata pihaknya amat prihatin dengan isu-isu keselamatan kanak-kanak khususnya penderaan dan pengabaian terhadap golongan cilik itu.

"Hal ini kerana kanak-kanak merupakan aset penting yang bakal mencorak masa hadapan negara.


"Berdasarkan statistik JKM, pada tahun 2022 Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan iaitu seramai 302 kepada 405 orang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada tahun 2023," ujar beliau dalam satu kenyataan.

Nancy berkata menerusi program ini ia merupakan usaha berterusan kementerian dalam menggerakkan semua anggota masyarakat agar bersama melindungi dan membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak.

"Program ini menjadi platform kepada masyarakat setempat khususnya guru-guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti setempat untuk berperanan dalam membantu KPWKM mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

"KPWKM akan meneruskan pelaksanaan program advokasi ini di sekolah seluruh negara serta akan mengadakan kerjasama rentas kementerian bagi memastikan impak optimum bagi inisiatif yang dijalankan ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Nancy berkata JKM melalui Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) dalam proses menaik taraf Sistem eDKK kepada sistem bersepadu yang akan dinamakan sebagai Sistem Perkhidmatan Kanak-Kanak (Sistem ANAK). – **WILAYAHKU**



# 178 ahli PAWE dirai dalam majlis rumah terbuka Aidilfitri

© 2024-04-26T14:33:10+08:00



YANTO

TENOM: Seramai 178 ahli berdaftar persatuan warga emas (PAWE) di daerah ini akan diraikan dalam majlis rumah terbuka Aidilfitri di perkarangan pejabat PAWE pada 30 April depan.

Pengerusi PAWE Yanto Rithauddeen @ Bijun berkata, majlis yang bermula jam 10 pagi itu dijangka dihadiri oleh orang-orang kenamaan.

Beliau menyatakan perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat PAWE di sini.

Yanto berkata, PAWE ditubuhkan pada 22 September 2022 dan kini mempunyai 178 orang ahli dan dalam seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Tenom.

PAWE Tenom kini giat mempromosikan pelbagai aktiviti termasuk rumah terbuka Aidilfitri supaya setiap warga emas dialu-alukan menjadi ahli katanya.



## Pukul warga emas, polis tahan pemilik, pembantu rumah kebajikan

Bername  
25/04/2024 18:16 MYT



*Polis menahan pemilik dan pembantu sebuah rumah kebajikan di Taman Desa Aman dekat sini bagi membantu siasatan berhubung kejadian seorang penghuni warga emas dipukul, petang semalam. -Gambar hiasan*

**KULIM:** Polis menahan pemilik dan pembantu sebuah rumah kebajikan di Taman Desa Aman dekat sini bagi membantu siasatan berhubung kejadian seorang penghuni warga emas dipukul, petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kulim Supt Mohd Azizul Mohd Khairi berkata pihaknya menerima laporan bahawa penghuni rumah kebajikan terbabit iaitu seorang lelaki tempatan berusia 70 tahun dipukul menggunakan kayu pada 3.50 petang semalam.

"Terdapat empat rakaman video yang telah tular di media sosial, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim telah menjalankan siasatan dengan menahan seorang lelaki berusia 44 tahun yang merupakan pemilik rumah kebajikan berkenaan.

"Turut ditahan bagi membantu siasatan ialah seorang perempuan tempatan berusia 36 tahun yang bekerja sebagai pembantu di situ," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata siasatan mendapati punca kejadian adalah disebabkan mangsa yang nyanyuk dikatakan sering mendatangkan masalah.

"Siasatan masih dijalankan bagi mengesan sekiranya masih ada mangsa lain yang dipukul di rumah kebajikan terbabit...kes disiasat di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan," katanya.

Mohd Azizul menasihati orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kejadian itu kerana siasatan masih dijalankan.

Mereka yang mempunyai maklumat berkaitan turut diminta untuk menyalurkan maklumat itu kepada pihak polis.

Terdahulu, tular video berdurasi hampir satu minit memaparkan seorang wanita memukul seorang lelaki menggunakan kayu dipercayai berlaku di sebuah pusat jagaan warga emas di Taman Desa Aman, dekat sini.



TAJUK : USTAZ KENA TAHAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 APR 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## TIGA PELAJAR TAHFIZ DAKWA DILIWAT

# USTAZ KENA TAHAN

Oleh Hazira  
Ahmad Zaidi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Machang

Seorang ustaz di sebuah pusat tahfiz ditahan kerana disyaki meliwat tiga pelajarnya sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintendan Ahmad Shafiki Hussin berkata, pihaknya menerima laporan daripada tiga mangsa yang berusia 12 hingga 13 tahun pada 15 April lalu lebih kurang jam 12.56 tengah malam.


Katanya, hasil siasatan mendapati kesemua

mangsa diminta untuk melakukan perbuatan itu oleh suspek di pusat tahfiz berkenaan.

"Suspek berusia 39 itu ditahan untuk membantu siasatan selama seminggu bermula 16 sehingga 22 April dan disambung reman pada 23 hingga 29 April ini," katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan kerana meliwat.

"Polis menasihati orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi sehingga siasatan kes ini selesai," katanya.



TAJUK :	USTAZ HELD FOR ALLEGEDLY 'SODOMISING' STUDENTS		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	27 APR 2024	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

### 3 'VICTIMS'

# Ustaz held for allegedly 'sodomising' students

**MACHANG:** An ustaz of a religious school here was arrested for allegedly sodomising three of his students two years ago.

District police chief, Superintendent Ahmad Shafiki Hussin, said the 39-year-old suspect was arrested after police received reports on April 15.

He said the reports were lodged by the three victims, aged 12 and 13, at the district police station.


"In the reports, the victims

claimed that they were forced to commit the act by the teacher.

"The incident happened at the school in 2022," he said yesterday.

Shafiki said the suspect had been remanded to assist police investigation into the case.

He said the case was investigated under Section 377C of the Penal Code, which allows for a prison term of up to 20 years, and caning.



## Ustaz ditahan kerana disyaki liwat 3 pelajar

Hazira Ahmad Zaidi  
am@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Machang: Seorang ustaz di sebuah pusat tahfiz di sini, ditahan kerana disyaki meliwat tiga pelajarinya, sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintendan Ahmad Shafiki Hussin berkata, pihaknya menerima laporan daripada tiga mangsa yang berusia 12 hingga 13 tahun, pada 15 April lalu.

Katanya, hasil siasatan mendapati kesemua mangsa diminta untuk melakukan perbuatan itu oleh suspek di pusat tahfiz.

"Suspek berusia 39 itu kemudiannya ditangkap untuk membantu siasatan.

"Suspek ditahan selama seminggu bermula 16 sehingga 22 April dan disambung reman pada 23 hingga 29 April ini," katanya menerusi satu kenyataan media, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan kerana meliwat.

"Pihak polis menasihati orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi sehingga siasatan kes ini selesai," katanya.

Disiarkan pada: April 26, 2024 @ 10:13am



TAJUK : NAFI NODA CUCU TIRI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 APR 2024

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhamad  
Lokman Khairi  
am@hmetro.com.my

### Teluk Intan

Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan yang juga cucu tirinya, Disember tahun lalu.

Tertuduh yang berusia 63 tahun membuat pengakuan itu sebaik sahaja pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Intan Nurul Farena Zainal Abidin.

Mengikut pertuduhan, penganggur itu didakwa melakukan perbuatan terbahit terhadap mangsa yang ketika itu berusia 11 tahun dalam sebuah bilik di rumah rakit di sini, jam 8 pagi, 24 Disember tahun lalu.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, R Rishan Kumar me-

# NAFI NODA CUCU TIRI

*Warga emas tak mengaku lakukan amang seksual pada budak perempuan di rumah rakit*




WARGA emas yang dituduh melakukan amang seksual fizikal ke atas cucu tirinya.

nawarkan jaminan RM15,000 serta syarat tambahan supaya tertuduh tidak mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Peguam Jude Pereira merayu kepada mahkamah supaya wang jaminan dikurangkan mengambil kira anak guamnya sudah berhenti kerja sebagai pemandu teksi, tiada punca pendapatan dan perlu menanggung kos rawatan isterinya di hospital kerana menghidap kanser.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin, syarat tambahan tidak mengganggu mangsa serta melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali.

Mahkamah menetapkan 28 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



## Datuk tidak mengaku salah noda cucu tiri

Oleh ASLIZA MUSA 26 April 2024, 3:51 pm



SEORANG lelaki warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Teluk Intan, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas cucu tirinya yang berusia 11 tahun, Disember lalu.

TELUK INTAN – Seorang lelaki warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas cucu tirinya yang berusia 11 tahun, Disember lalu.

Tertuduh yang berusia 63 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim, Intan Nurul Farena Zainal Abidin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang juga bekas pemandu teksi itu didakwa telah menyentuh payudara mangsa dan memeluknya dari belakang bagi maksud seksual di sebuah rumah rakit di Teluk Intan pada pukul 8 pagi, 24 Disember 2023.

Pertuduhan terhadap tertuduh itu dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 27 akta sama, manakala jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, R. Rishan Kumar manakala tertuduh diwakili peguam Jude Pereira.

Terdahulu, Rishan Kumar mencadangkan jaminan RM15,000 dikenakan ke atas tertuduh beserta syarat tambahan tidak mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Bagaimanapun, Jude memohon jumlah jaminan minimum atas alasan anak guamnya itu tidak lagi bekerja sebagai pemandu teksi dan perbelanjaan keluarga menggunakan wang pensen isterinya.

Katanya, tertuduh juga menghidap penyakit pelbagai termasuk kencing manis dan gout, malah isterinya juga menghidap kanser dan perlu menjalani rawatan di hospital.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan tidak mengganggu mangsa dan melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali. – KOSMO! ONLINE



## Undang-undang sahaja gagal kawal keganasan rumah tangga



KAJIAN lampau menjelaskan faktor kebergantungan ekonomi, dinamika kuasa dan kawalan dalam sesebuah hubungan merupakan faktor berlakunya keganasan rumah tangga.

Oleh Fatimah Jamhari | 26 April 2024, 7:51 am

"KALAU sehelai daun di hujung dahan berhak beroleh rahmat cintamu, maka seluruh pohon itu pun dan tanah tempat dia tumbuh dan alam sekelilingmu pun berhak beroleh cintamu. Cinta yang hanya mengenai sebahagian kecil daripada lapangan hidup yang luas, belumlah bertemu hakikat cinta." – Buya Hamka

Kalau bab menulis tentang cerita cinta yang menyakitkan, sudah tentu Haji Abdul Malik Karim Amrullah melalui karya seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Terusir dan Merantau Ke Deli* adalah karyawan terunggul. Setiap cerita yang disampaikan disulami dengan kisah pedihnya duri cinta sesama manusia sehingga watak-watak yang merasai racun ini tiada tempat selain kembali kepada Sang Pencipta sebagai ubat penawar. Cinta dipamerkan sebagai dugaan yang amat berat kepada watak-watak dalam karyanya.

Sebetulnya itulah hakikat dalam hidup yang tidak akan menjanjikan kepastian, waima di antara pasangan suami isteri yang bernikah atas landasan kasih dan cinta. Maka kerap pula dada akhbar menceritakan peritnya kesan cinta yang bukan meningkatkan rasa rahmat sebaliknya menjahanamkan seluruh penghidupan wanita yang dinikahi para lelaki haprak.

Dalam tempoh beberapa minggu lagi, akan genap tiga tahun Jahidah Nordin terlantar selepas dikasari suami semasa beliau ketika itu sedang mengandung sehingga mengakibatkan pendarahan otak yang serius. Dalam pada suami durjana ini masih menunggu pengakhiran percabaran di atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap isteri ketiganya, timbul lagi kisah-kisah keganasan terhadap wanita yang sama berat.

Antara yang paling hangat diwacanakan akhir-akhir ini sudah tentu tindakan suami yang tega melepaskan tembakan kepada isterinya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Tindakan suami haprak ini, yang didahului dengan ugutan terhadap isteri, akhirnya memangsakan pengawal peribadi yang tiada salah selain menjalankan tanggungjawab tugasannya.

Dalam kes lain beberapa minggu lalu, seorang buruh binaan telah ditahan di Ampang Saujana selepas mengamuk dan mengugut isterinya dengan sepucuk pistol apabila isteri enggan memberikan duit untuk dia membeli dadah. Manakala di Dungun, seorang buruh bertindak menetak isterinya menggunakan parang selepas mangsa meminta cerai.

Dua minggu lalu juga seorang lelaki ditahan di Kulim bagi membantu siasatan ke atas kematian isterinya yang berusia 61 tahun selepas mangsa didapati meninggal dunia dengan kecederaan di bahagian kepala selain kesan lebam di muka dan seluruh badan.

Minggu lalu pula, seorang lelaki telah diberkas polis di Gerik selepas suspek bertindak mendera isterinya dengan mengikat mangsa ketika mangsa sedang tidur, merentap rantai leher emas yang dipakai sehingga terputus dan menggunakan cecair lilin panas ke atas mangsa. Semuanya dilakukan gara-gara perasaan cemburu suami keji ini yang menuduh isterinya curang.

Terkini dalam kejadian yang berlaku pada minggu lalu, seorang isteri mengadu turut tercedera selepas dipukul sang suami apabila mempertahankan anaknya yang didera suami. Penderaan suami akhirnya mengakibatkan kematian anak lelaki yang baru berusia enam bulan.

Hendak dikatakan undang-undang lemah, kerangka sedia ada berkenaan dengan jenayah mengasari isteri telahpun dikemaskini sebaik mungkin. Pada 2014, melalui Akta A1471, Kanun Keseksaan telah dipinda bagi memasukkan peruntukan khusus berkenaan dengan kes-kes yang melibatkan pasangan suami isteri.

Dalam pindaan ini, rata-rata hukuman bagi kesalahan jenayah yang melibatkan pasangan dalam suatu perkahwinan yang sah adalah dua kali ganda hukuman yang dikenakan terhadap pesalah lain.

Sebagai contoh, di bawah Seksyen 352, hukuman yang dikenakan bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah oleh pasangan, menetapkan barang siapa yang menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas pasangannya semasa wujudnya suatu perkahwinan yang sah di antara mereka, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh sampai enam bulan atau dengan denda yang boleh sampai RM2,000, atau kedua-duanya.

Di bawah Seksyen 352A pula, yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah oleh pasangan, menetapkan barang siapa yang menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas pasangannya semasa wujudnya suatu perkahwinan yang sah di antara mereka, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh sampai enam bulan atau dengan denda yang boleh sampai RM2,000, atau kedua-duanya.

### KUASA

Bagi memahami mengapa kejadian keganasan rumah tangga berlaku, ahli sosiologi dalam kajian lampau telah menjelaskan tentang faktor kebergantungan ekonomi serta dinamika kuasa dan kawalan dalam sesuatu hubungan yang mengalami keganasan rumah tangga.

Ringkasnya, kebanyakan kes keganasan rumah tangga berlaku apabila pelaku mempunyai kuasa yang lebih besar dan mampu mengawal tindakan dalam rumah tangga termasuklah ke atas pasangan yang dikasari.

Hal ini berlaku kerana pelaku memiliki sumber, terutamanya kewangan, sehingga mangsa terlazim untuk menerima atau patuh kepada pelaku. Maka, jika dilihat daripada perspektif ini, tidak pelik apabila statistik keganasan rumah tangga dilihat semakin meningkat khususnya ketika musim perayaan yang memerlukan belanja yang lebih besar daripada kelaziman.

Kawalan keras melalui peruntukan undang-undang sahaja seolah-olah tidak mampu mengawal peningkatan kes-kes keganasan rumah tangga.

Maka, saya amat berharap kerajaan madani di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat melihat semula kepada Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia agar situasi semasa yang sebenar dapat diteliti lantas dasar yang terlibat dapat diperhalusi.

Dasar kebangsaan yang mampu mewujudkan rasa ihsan dan cinta perlu diperkemas agar ketidakstabilan pasaran ekonomi masa kini dapat ditangani dengan lebih baik agar tekanan menyediakan nafkah tidak menjadi alasan untuk para suami mendera isteri. -UTUSAN

PENULIS ialah pengamal undang-undang, Naib Presiden II Perikatan Wanita Antarabangsa untuk Institusi Keluarga & Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) dan Ahli Jawatankuasa Pusat Gabungan Pertubuhan Masyarakat Sipil Malaysia (MACSA).



## Noda anak saudara, 'pesakit psikiatri' kekal dijel 9 tahun

Oleh NORUZH ABAS 26 April 2024, 2:40 pm



Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR – Seorang lelaki yang mendakwa dirinya pesakit psikiatri kekal dipenjara sembilan tahun dan enam sebatan kerana merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudaranya dua tahun lalu.

Mahkamah Tinggi Johor Bahru menjatuhkan hukuman itu terhadap perayu selepas menolak rayuannya terhadap sabitan dan hukuman yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen.

Pesuruhjaya Kehakiman Noor Hayati Mat berpuas hati rayuannya tidak bermerit selepas berpendapat pengakuan salahnya dibuat mengikut peruntukan undang-undang.

Beliau turut berpendapat, permohonan semakan lelaki itu gagal menunjukkan keperluan mahkamah untuk menggunakan kuasa budi bicaranya menyemak keputusan Mahkamah Sesyen.

Lelaki itu dihukum penjara sembilan tahun dan empat sebatan bagi kesalahan merogol serta hukuman penjara tujuh tahun dan dua sebatan bagi tuduhan amang seksual fizikal serta perintah kaunseling dan pengawasan polis selama dua tahun.

Perayu didakwa merogol mangsa yang ketika kejadian berusia 14 tahun di sebuah rumah di Skudai serta dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama pada 5 Julai 2022.

Ringkasan fakta kes, pada 23 Julai 2022, mangsa menghubungi ibunya yang bekerja di Singapura dan mengadu dirogol oleh bapa saudara beberapa kali.

Dalam petisyen rayuannya, lelaki itu menyatakan tidak memahami pertuduhan serta sifat dan akibat pengakuan salahnya selain 'disuruh' mengaku oleh pegawai penyiasat serta polis pengiring.

Lelaki itu turut mendakwa sebagai pesakit psikiatri dan tertekan dari segi emosi kerana tidak mengambil ubat untuk menstabilkan fikiran.

Mahkamah bagaimanapun berpendapat, perayu memahami prosiding mahkamah yang menggunakan bahasa Melayu serta mampu berkomunikasi dengan baik. –

KOSMO! ONLINE